

Kepentingan Pendidikan PraPerkahwinan Bagi Pasangan Yang Ingin Berkahwin

Nur Khamsiah Adan^{1,*}

¹Politeknik Port Dickson, KM 14, Jalan Pantai, Si Rusa, 71050 Port Dickson, Negeri Sembilan Malaysia

^{*}Corresponding author: khamsiah@polipd.edu.my

Abstrak

Setiap pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga sudah semestinya mengimpikan sebuah keluarga yang bahagia, sejahtera dan harmoni, dipenuhi dengan kasih sayang, kepertanggungjawaban antara pasangan, saling memahami satu sama lain serta dikelilingi cahaya mata sebagai pengukuh kebahagiaan. Namun, tidak semua rumah tangga ini berakhir dengan kemanisan. Kebelakangan ini, jumlah perceraian semakin meningkat saban tahun di Malaysia. Banyak peristiwa yang menyayat hati mengenai permasalahan rumah tangga, pengabaian tanggungjawab sama ada dikalangan suami atau isteri serta tekanan emosi dikalangan anggota keluarga yang berlaku telah dilaporkan di dada akhbar. Tambahan pula, isu Pandemik Covid-19 yang melanda dunia telah memburukkan lagi hubungan di antara ahli keluarga. Justeru, kajian ilmiah ini bertujuan untuk menegaskan semula tentang pentingnya ilmu pengetahuan dan pendidikan praperkahwinan yang perlu dipelajari dan difahami bagi pasangan yang ingin berkahwin agar permasalahan yang dihadapi dalam hidup berumah tangga dapat diatasi dan diselesaikan dengan sebaik mungkin untuk mengelakkan tragedi yang lebih buruk lagi berlaku. Kajian ilmiah ini yang menggunakan metodologi kajian perpustakaan iaitu kajian secara penelitian, pengumpulan bahan-bahan rujukan seperti buku, artikel jurnal, majalah dan akhbar, serta membaca dan membuat kesimpulan yang terbaik. Dapatkan kajian menunjukkan Pendidikan Islam, Pendidikan Akademik dan Pengetahuan Am perlu dipelajari sebelum melangsungkan perkahwinan kerana dengan pendidikan dan ilmu pengetahuan sangat penting dalam membentuk sebuah keluarga yang bahagia yang direhdai oleh Allah SWT.

Kata kunci: - *Pendidikan praperkahwinan, pendidikan Islam, akademik, pengetahuan am*

1. Pengenalan

Keluarga bahagia adalah matlamat utama setiap pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga. Dalam membentuk keluarga bahagia, pasangan yang terdiri daripada suami dan isteri sama-sama menggalas satu tanggungjawab dan amanah yang perlu dilaksanakan dengan baik. Pentingnya pembentukan keluarga bahagia akan memberi kesan kepada pembentukan masyarakat yang berdaya saing, maju dan bertamadun seterusnya akan menyumbang kepada kesejahteraan negara (Talhah et al., 2019). Di Malaysia, pembentukan sebuah rumah tangga bagi yang beragama Islam adalah melalui proses perkahwinan yang sah (Azhar dan Kamarul, 2004). Sebelum perkahwinan berlangsung, pasangan yang ingin berkahwin mestilah memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam di setiap negeri. Antara syarat yang perlu dipenuhi ialah, mengisi borang permohonan kebenaran berkahwin, menghadiri kursus pra perkahwinan dan menjalani ujian saringan HIV di klinik kesihatan (JAKIM, 2013). Syarat seperti ini wajar diteruskan bagi mengelakkan salah faham di antara pasangan iaitu dengan mendapatkan kebenaran daripada pihak ibu bapa terlebih dahulu sebagai tanda restu dan mendapatkan kebenaran daripada pasangan yang ingin berpoligami,

pemahaman pasangan mengenai kehidupan berumah tangga melalui kursus praperkahwinan serta menjamin pasangan dari segi kesihatan dengan menjalankan ujian saringan HIV.

Walau bagaimanapun, syarat seperti ini masih tidak mencukupi untuk menjamin keluarga bahagia kerana sehingga hari ini, statistik penceraian sentiasa meningkat setiap tahun. Perkara ini dapat dilihat dengan kadar perceraian pada tahun 2019 meningkat sebanyak 12 peratus iaitu sebanyak 56,975 kes berbanding pada tahun 2018 sebanyak 50,862 kes perceraian (Uzir, 2019). Kajian yang dilakukan di negeri Selangor menunjukkan antara faktor perceraian ialah pengabaian tanggungjawab dikalangan suami isteri, masalah komunikasi, campur tangan pihak ketiga, lemahnya didikan agama, masalah ekonomi, masalah sosial seperti homoseksual, penagih dadah, kaki botol, suka berbohong dan sebagainya (Mariam dan Syafirul, 2017). Tambahan pula, bagi pasangan yang beragama Islam, punca utama perceraian adalah tidak menunaikan solat dan pengabaian solat di kalangan suami isteri sehingga mencapai 90 peratus kes perceraian telah dicatatkan bagi negeri Johor pada tahun 2012 (Shaibah et al., 2016). Oleh hal yang demikian, sewajarnya peranan faktor pendidikan sebelum mendirikan rumah tangga atau

disebut Pendidikan PraPerkahwinan amat penting dititikberatkan bagi pasangan yang ingin berkahwin supaya mereka lebih bersedia menghadapi cabaran yang mendatang.

2. Latar Belakang Kajian

Pendidikan merupakan asas dalam mencorakkan tingkah laku dan pola berfikir seseorang (Talhah et al., 2019). Dengan pendidikan, manusia lebih yakin dalam membuat satu keputusan yang tepat, mempunyai nilai dan etika yang tinggi dalam kehidupan, berupaya mengawal keadaan dan persekitaran serta dapat menjadi pemimpin yang baik (Hussin et al., 2010). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, pendidikan bermaksud perihal mendidik, ajaran dan latihan. Setiap individu akan mengalami proses pendidikan sama ada secara formal dan tidak formal, secara sedar atau tidak sedar, secara langsung atau tidak langsung (Hussin et. al., 2010). Dengan perkembangan pendidikan yang berlaku ke atas manusia, akan menjadikan seseorang itu lebih peka, prihatin dan berkemahiran dalam menjalani sesbuah kehidupan. Bahkan, dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan menunjukkan betapa pentingnya pendidikan yang akhirnya akan membawa kepada kemakmuran sebuah keluarga, masyarakat dan negara iaitu;

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadan untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”.

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017)

Pengetahuan dan pendidikan alam rumah tangga sangat diperlukan memandangkan kes-kes perceraian menunjukkan peningkatan yang luar biasa pada tahun ini berikutan isu pandemik yang melanda dunia (Hafiz, 2020). Di Malaysia, kursus praperkahwinan hanya sekadar untuk memenuhi syarat permohonan perkahwinan yang mana setiap individu perlu menghadiri kursus selama dua hari yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam di setiap negeri (JAKIM, 2013). Isi kandungan kursus yang berpandukan kepada Modul Bersepada Kursus PraPerkahwinan Islam (MBKPI) merangkumi tajuk akidah, akhlak, ibadah, perkahwinan dan prosedur, komunikasi suami isteri, hubungan dalam keluarga, pengurusan kewangan dan masa, pengurusan kesihatan, pengurusan tekanan dan konflik, perkhidmatan runding cara dan pembubaran perkahwinan perlu dilengkapkan dalam tempoh 12

jam sesi pembelajaran (Murdiah, et.al., 2016). Inisiatif ini adalah satu usaha yang sangat baik dalam memberikan pendidikan kepada semua pasangan yang ingin berkahwin namun, keberkesanan daripada kursus ini boleh dikatakan kurang berjaya. Kajian daripada (Ruhil, 2011) mendapati pelaksanaan MBKPI masih berada dalam tahap sederhana kerana jangka masa mengajar setiap modul tidak mencukupi ditambah pula dengan isu penceramah yang menghadapi masalah ketepatan masa. Para peserta pula kebanyakannya tidak fokus semasa sesi penyampaian modul, berjumpa dengan pasangan, bercakap dan keluar masuk dewan menyebabkan mereka ketinggalan dalam memahami beberapa perkara penting (Ruhil, 2011). Kesannya, muncullah kes-kes seperti; “Marah tak dapat rogol anak tiri, lelaki Nigeria campak cucu hingga maut di Wangsa Maju” (Astro Awani, 2020), “Lemas dalam tong: Pasangan suami isteri didakwa bunuh, dera Adik Amir” (Shuhada, 2021), “Seperti Kandang: Biarkan 4 Isteri Dan 28 Anak Tinggal Sebumbung, Warganet Berang Sikap Ego Bapa” (Azra, 2021). Ini adalah antara bukti-buktii yang telah menggemparkan rakyat Malaysia sepanjang tahun 2020-2021 berkenaan dengan isu permasalahan rumah tangga yang berlaku.

Terdapat juga segelintir pasangan yang tidak memahami tujuan perkahwinan yang sebenar. Para suami tidak faham konsep nafkah, pengabaian tanggungjawab dikalangan suami atau isteri serta isu-isu yang berkaitan dengan talak. Malah, terdapat juga pasangan yang tidak pernah mendengar istilah-istilah dalam rumah tangga seperti mut'ah, 'iddah, zihar, khuluk, fasakh dan lain-lain lagi kerana mereka memandang enteng dengan ilmu rumah tangga (Azhar dan Kamarul, 2004). Oleh sebab itu, hasil kajian lepas telah mencadangkan agar semua pihak bekerjasama dalam memberikan kesedaran kepada pasangan yang ingin berkahwin mengenai betapa pentingnya pendidikan praperkahwinan dalam membentuk keluarga yang harmoni. Sebagai contoh, ibu bapa berperanan dalam memastikan anak-anak mereka mendapat pendidikan yang cukup dari segi ilmu akademik dan ilmu agama, pendedahan ilmu rumah tangga di peringkat sekolah menengah serta peranan daripada pihak kementerian pembangunan keluarga dengan mempromosikan pendidikan dengan lebih meluas kepada masyarakat awam. Penguatkuasaan dari segi menjalani kursus praperkahwinan oleh jabatan agama di setiap negeri juga boleh dilaksanakan dengan lebih tegas lagi seperti mengambil kira kehadiran di setiap slot modul pembelajaran (Azhar dan Kamarul, 2004).

Bagi umat Islam, terdapat peringatan di dalam kitab suci al-Quran supaya dalam sesebuah keluarga haruslah dipenuhi dengan sakinah, mawaddah dan rahmah. Seperti mana yang disebutkan di dalam al-Quran:

وَمِنْ عَلَيْهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنْثِيَّمْ أَرْجُوا لَنْسَكُوكُوا إِلَيْنَا وَخَلَقَ لَنْتَمْ مُؤْدَةً وَزَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ
لَذِكْتَ لَقَوْمَ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١٣﴾

Maksudnya: Dan di antara tanda-tanda (kebesaran)-Nya ialah Dia menciptakan pasangan-pasangan untukmu dari jenismu sendiri, agar kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan Dia menjadikan di antaramu rasa kasih dan sayang. Sungguh, pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi kaum yang berfikir.

(Surah Ar-Rum, 30:21)

Daripada ayat ini jelas Allah SWT memberi petunjuk kepada manusia bahawa ilmu berkenaan rumah tangga akan membentuk keluarga bahagia dari segi jiwa yang tenang (sakinah), perasaan cinta dan kasih sayang (mawaddah) serta perasaan kasihan belas (rahmah). Yang mana, ketiga-tiga asas utama ini hanya akan dicapai sekiranya kaum itu adalah kaum yang berfikir. Maksud berfikir di sini ialah yang sentiasa memperbaiki diri dengan mempelajari ilmu rumah tangga dari semasa ke semasa (Azhar dan Kamarul, 2004).

Menurut Talhah et al., (2019), pendidikan sangat penting dalam membentuk keluarga sejahtera kerana iaanya membantu membangunkan modal insan dan mendisiplinkan diri. Pendidikan mestilah mempunyai keseimbangan dari segi pemikiran, kerohanian, emosi dan fizikal. Dengan itu, beliau telah membincangkan tiga jenis pendidikan yang perlu dipelajari iaitu Pendidikan Moral, Pendidikan Pemikiran dan Pendidikan Jasmani. Syafiq et al., (2019) pula menambah, bakal suami dan isteri perlu melengkapkan diri dengan persiapan sebelum berkahwin supaya suasana perkahwinan dapat dipupuk dalam diri. Dengan itu, beliau menekankan Pendidikan Agama adalah pendidikan yang paling utama untuk dipelajari iaitu dengan mengetahui asas Islam yang sebenar yang merangkumi aspek akidah, ibadah dan akhlak. Sekiranya ke semua bidang pendidikan ini dipelajari dengan baik, maka, akan terhasil sebuah keluarga bahagia yang diidamkan oleh setiap pasangan suami isteri.

2.1 Pendidikan Islam

Pendidikan agama adalah perkara pertama yang perlu diketahui oleh setiap pasangan yang ingin berkahwin. Tanpa agama manusia akan terumbang-ambing kerana tidak meletakkan Tuhan sebagai matlamat terakhir dalam kehidupan. Bagi umat Islam, pengetahuan dan pendidikan Islam sangat dititikberatkan sejak di dalam rahim ibu lagi. Anak-anak akan diberi didikan dan asuhan dengan cara hidup Islam agar selari dengan tuntutan agama. Terdapat tiga asas Islam dalam menjadikan kehidupan manusia lebih sempurna yang akhirnya akan membawa kepada kesejahteraan keluarga iaitu

akidah, ibadah dan akhlak (Syafiq et al., 2019).

2.1.1 Akidah

Akidah dari segi bahasa ialah simpulan atau pegangan yang kukuh dan kuat atau satu ikat janji. Dari segi istilah pula, akidah ialah kepercayaan dan keyakinan yang bersungguh-sungguh dengan kewujudan dan keesaan Allah iaitu mengakui dengan lidah, membenarkan dengan hati dan mengamalkan segala perintah Allah (Kuliyatun, 2020). Dengan keimanan kepada Allah, pasangan suami isteri akan terhindar daripada kesesatan, mengelakkan salah faham mengenai konsep rumah tangga serta dapat mengelakkan daripada melakukan kemungkaran yang boleh merosakkan rumah tangga (Syafiq et al., 2019). Contohnya, dengan adanya pengetahuan akidah dalam diri, setiap pasangan akan berusaha untuk menerima segala kekurangan dan kelemahan kerana mempercayai konsep qada' dan qadar yang termasuk dalam salah satu rukun iman disamping cuba memperbaiki kelemahan diri serta bermuhasabah (Nasir et al., 2013).

2.1.2 Ibadah

Ibadah bermaksud tunduk dan patuh terhadap suruhan dan larangan Allah. Ibadah terbahagi kepada dua iaitu ibadah umum dan ibadah khusus. Ibadah khusus merangkumi rukun Islam yang lima iaitu mengucap dua kalimah syahadah, mendirikan solat, berpuasa di bulan ramadan, menunaikan zakat dan mengerjakan haji di Mekah bagi yang berkemampuan (Kuliyatun, 2020). Manakala ibadah umum pula bermaksud apa-apa perbuatan, perkataan dan gerak hati yang dilakukan semata-mata untuk mencari keredhaan Allah SWT (Zaleha et al., 2019), ini termasuklah segala perbuatan manusia dalam kehidupan sehariannya seperti keluar bekerja, membantu keluarga, bersedekah, beriadah dan lain-lain lagi. Bagi pasangan yang ingin berkahwin, penerapan amalan kedua-dua ibadah ini perlu sentiasa diingatkan dalam diri mereka kerana sikap sambil lewa terhadap pengabaian ibadah terutamanya solat, akan menyebabkan institusi kekeluargaan akan runtuh. Ini bersesuaian dengan hadis Nabi SAW yang bermaksud;

“Amal yang pertama kali akan dihisab bagi seseorang hamba di hari kiamat ialah solatnya. Jika solatnya baik, maka baiklah segala amalan yang lain, dan jika solatnya rosak, maka binasalah segala amalannya yang lain”.

(Riwayat Tabrani)

Hadis ini menunjukkan bahawa dalam konteks kerukunan rumah tangga bermaksud barangsiapa yang menjaga solat dengan baik, maka rumah tangga akan membawa kepada keharmonian dan kesejahteraan, manakala barangsiapa yang

meninggalkan solat, maka akan binasalah rumah tangga yang dibina. Sekiranya ke semua amalan ibadah umum dan khusus yang dilakukan semata-mata hanya kerana Allah SWT, maka ganjaran yang setimpal akan diberikan (Nasir et al., 2013). Sebagai contoh, suami yang keluar bekerja untuk mencari rezeki yang halal untuk memenuhi keperluan kehidupan dengan meletakkan niat kerana Allah, nescaya Allah akan murahkan rezekinya dari setiap aspek seperti kebahagiaan, kemudahan dan kekayaan. Lebih manis lagi, rumah tangga yang dihiasi dengan amalan-amalan seperti solat berjemaah, bacaan al-Quran, sesi ta’alim dan tazkirah akan mengukuhkan lagi hubungan di antara suami isteri dan anak-anak kerana dapat berkongsi masalah, bertukar fikiran dan bermuhasabah semasa sesi perjumpaan bersama keluarga. Maka dengan kelebihan inilah yang akan membentuk sebuah keluarga bahagia.

2.1.3 Akhlak

Menurut Imam Al-Ghazali di dalam kitabnya Ihya Ulumuddin, akhlak ialah sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang, yang dengannya lahir perbuatan hasil dari pancaran hati sanubari dalamannya (Khairani, 2012). Akhlak terbahagi kepada dua iaitu akhlak mahmudah (sifat yang terpuji) dan akhlak mazmumah (sifat yang keji). Akhlak yang mulia merupakan matlamat utama penyebaran Islam. Ini dinyatakan oleh Rasulullah SAW dalam hadisnya yang bermaksud:

“Sesungguhnya aku diutuskan hanyalah untuk menyempurnakan akhlak yang mulia”.

(Riwayat Malik)

Setiap individu wajib menunjukkan akhlak dan perilaku yang sopan serta menjadi contoh kepada masyarakat. Bagi penganut yang bukan beragama Islam, Pendidikan Moral adalah satu pendidikan berkenaan dengan baik dan buruk sesuatu perbuatan, sikap atau cara berkelakuan yang sejajar dengan tatasusila dan peraturan masyarakat (Talhah et al., 2019). Sebanyak 36 nilai-nilai murni perlu dihayati supaya kawalan terhadap sesuatu perbuatan dapat diseimbangkan. Antara nilai-nilai murni atau di sebut sifat-sifat mahmudah yang boleh diterapkan dalam konsep kekeluargaan dalam Islam ialah nilai iman, amanah, ‘adalah, syura, sabar, ihsan, ‘iffah, ta’awun wa takaful, dan mawaddah wa rahmah (Norulliza et al., 2017). Sekiranya ke semua akhlak dan nilai-nilai murni ini disatukan lantas diperaktikkan dalam kehidupan berumah tangga nescaya kebahagiaan dan ketenangan hidup berkeluarga akan dapat dikecapi. Sebagai contoh, seorang suami yang mempunyai sifat sabar dan ihsan dalam melayan karenah isteri dan anak-anak mustahil akan melakukan keganasan rumah tangga seperti menengking, mendera, memukul atau

sehingga menyebabkan kematian (Shuhada, 2021).

2.2 Pendidikan Akademik

Pendidikan akademik bermaksud pendidikan yang diperolehi melalui proses pendidikan yang formal dan tersusun daripada peringkat prasekolah, peringkat menengah sehingga peringkat pendidikan tertinggi yang mempunyai sijil dan ijazah pengiktirafan. Pendidikan akademik sangat penting dalam kehidupan manusia kerana pendidikan menjadi ukuran pemangkin kesejahteraan dan kualiti hidup seseorang (Affizal, 2016). Dengan adanya pendidikan, ia itu boleh menjelaskan keupayaan seseorang individu dalam mengurus hidup yang berkualiti kerana faktor ekonomi dan sosial bergantung kepada pendidikan yang diterima. Hal ini boleh dilihat dalam sektor pekerjaan yang mana semakin kurangnya pendidikan individu semakin kurang upah yang diterima, manakala semakin tinggi taraf pendidikan individu semakin banyak upah yang akan diperolehi (Affizal, 2016). Ini kerana, individu yang mempunyai pendidikan akademik yang baik, akan lebih dipercayai oleh majikan disebabkan pengetahuan yang diperolehi, kemahiran interpersonal yang tinggi serta memiliki pemikiran yang kreatif dan inovatif (Affizal, 2016).

Apatah lagi Islam sangat menggalakkan umatnya untuk menuntut ilmu dengan sentiasa berusaha mendapatkan pendidikan yang terbaik seperti mana maksud hadis Rasulullah SAW; “Menuntut ilmu itu wajib bagi setiap muslim”. (Riwayat Ibnu Majah). Dan ganjaran bagi orang yang berilmu, mempunyai pengetahuan dan pendidikan yang luas Allah SWT mengangkat darjatnya lebih tinggi. Ini bertepatan dengan firman Allah dalam surah al-Mujadalah ayat 11 yang bermaksud; “Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa derajat”.

Kesan daripada pendidikan yang tersusun dapat membantu dalam menstabilkan hubungan sosial seperti hubungan dalam rumah tangga. Individu yang mempunyai pendidikan, lebih bijak menguruskan masalah, berkebolehan dalam berbincang, mempunyai sikap bertimbang rasa dan bekerjasama, membantu dalam mendapatkan hasil ekonomi yang tinggi serta cenderung mempunyai bilangan anak yang kecil kerana mereka mementingkan kualiti daripada kuantiti. Perkara ini dapat dilihat bahawa pasangan yang mempunyai taraf pendidikan yang tinggi akan memilih untuk mempunyai bilangan anak yang kecil, menangguhkan kelahiran atau menjarakkan kelahiran berbanding dengan pasangan yang kurang berpendidikan (Affizal, 2016; Norafiza, 2021 dan Azra, 2021). Pendidikan juga mampu mengawal tekanan bagi pasangan yang berkahwin. Suami atau isteri yang mempunyai pendidikan akan dapat

mengawal diri daripada gangguan emosi kerana mereka mampu mengawal tingkah laku, emosi yang lebih stabil serta mempunyai minda yang lebih positif dalam menangani masalah rumah tangga (Affizal, 2016). Kajian daripada The National Longitudinal Survey of Youth menunjukkan bahawa pasangan yang memiliki pendidikan tinggi hanya mencatatkan kurang 30% bercerai berbanding pasangan yang tidak menamatkan zaman persekolahan atau yang mempunyai tahap pendidikan rendah (Alison, 2015). Kawalan diri yang tinggi membolehkan suami atau isteri bersedia menghadapi sesuatu perkara diluar jangkaan dan mengelakkan perkara buruk daripada berlaku. Sekiranya hubungan suami isteri berlaku keretakan atau perselisihan faham, kebarangkalian risiko yang dihadapi adalah kurang kerana hasil daripada proses pendidikan yang pernah mereka tempuh.

2.3 Pengetahuan Am

Di samping Pendidikan Islam dan Pendidikan Akademik yang dianggap penting bagi pasangan yang ingin berkahwin, Pengetahuan Am yang berkaitan dengan kehidupan sehari-hari juga adalah salah satu perkara yang perlu diambil berat. Ini termasuklah ilmu berkaitan dengan kesihatan fizikal dan jasmani seperti pemakanan seimbang, penjagaan kebersihan diri, pakaian dan tempat tinggal, asas kemahiran pertukangan serta membaiki peralatan elektrik juga perlu dipelajari sebelum melangkah ke gerbang perkahwinan (Talhah et al., 2019).

Malahan, dalam silibus Pendidikan Sekolah Menengah di Malaysia terdapat satu mata pelajaran yang dipanggil Sains Rumah Tangga (SRT). Mata pelajaran SRT ini merupakan mata pelajaran elektif bagi pelajar di tingkatan 4 dan 5 di sekolah-sekolah menengah di Malaysia. Antara objektif mata pelajaran ini diperkenalkan adalah untuk memupuk minat dan kecenderungan pelajar supaya menjadi individu yang berdikari untuk mendapatkan pengetahuan, memperolehi kemahiran asas dan kemahiran insaniah, bertanggungjawab, peka kepada perkembangan teknologi dan ekonomi semasa, dapat menjalani kehidupan yang sentiasa berubah serta menceburi kerjaya yang sesuai untuk mencapai kecemerlangan hidup (Zarina dan Nasihah, 2016). Isi kandungan SRT ini mengandungi lima bab utama iaitu bab kerja sepasukan, pengurusan sumber keluarga dan tempat kediaman, pakaian dan jahitan, makanan dan pemakanan serta perniagaan dan keusahawanan. Selain itu, penguasaan teknologi maklumat dan komunikasi, pendidikan kewangan, kreativiti dan inovasi, tip-tip keselamatan dan nilai-nilai murni turut dimasukkan dalam silibus ini. (Zarina dan Nasihah, 2016).

Jika dilihat dari sudut tanggungjawab suami dalam Islam, mata pelajaran ini menepati tiga

nafkah utama yang perlu disediakan oleh suami bagi memenuhi hak-hak seorang isteri iaitu menyediakan makanan, pakaian dan tempat tinggal (Zawawi dan Rahman, 2008). Sebagaimana hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

Daripada Hakim bin Muawiyah al-Qusyairi daripada ayahnya r.a, dia berkata: Pernah aku bertanya: Wahai Rasulullah, apakah kewajipan suami terhadap isterinya? Beliau menjawab: "Hendaklah kamu memberinya makan apabila kamu makan, dan kamu memberinya pakaian apabila kamu berpakaian atau mendapat pendapatan. Dan janganlah kamu memukuli wajah, jangan menghinanya, dan janganlah kamu memisahkan diri daripada mereka (yang nusyuz), kecuali di dalam rumah".

(Riwayat Ibnu Majah)

Pengetahuan am mengenai penyediaan makanan, pakaian dan tempat tinggal terbukti perlu dipelajari sebelum melangkah ke alam rumah tangga. Tidak kira calon suami atau isteri mereka perlu mengetahui bagaimana penyediaan makanan yang seimbang untuk seisi keluarga seperti pengambilan nutrisi yang cukup dan sederhana; penjagaan kesihatan untuk mencegah daripada sebarang penyakit iaitu dengan melakukan aktiviti fizikal seperti bersenam; menjaga kebersihan diri, pakaian dan tempat tinggal seperti mengemas rumah; menjaga keselamatan keluarga seperti membaiki peralatan yang rosak untuk mengelak daripada bahaya.

Oleh sebab itu, penekanan untuk mendapatkan pendidikan dan pengetahuan am berkenaan keperluan asas dan kemahiran diri perlu difikirkan semula supaya ianya menjadi satu kewajipan kepada pasangan yang ingin berkahwin agar keluarga yang dibina seimbang dari segi pemikiran, kerohanian, emosi dan fizikal (Talhah et al., 2019).

3. Metodologi Kajian

Kaedah kualitatif adalah kaedah yang telah digunakan bagi menegaskan bahawa Pendidikan PraPerkahwinan sangat penting bagi pasangan yang ingin berkahwin. Rujukan-rujukan ilmiah seperti buku, artikel jurnal, kertas-kertas pembentangan, akhbar serta laman-laman web yang berautoriti telah dikumpul untuk difahami seterusnya membuat kesimpulan bersesuaian dengan pendidikan praperkahwinan masa kini yang semakin kurang diperaktikkan dalam melayari bahtera rumah tangga. Pemahaman mengenai akidah, ibadah dan akhlak seringkali di pandang ringan oleh kebanyakan pasangan suami isteri (Syafiq et al., 2019). Perkara ini telah membawa kepada masalah keruntuhan rumah tangga yang semakin membimbangkan, isu-isu kemanusiaan di antara ahli keluarga sehingga menyebabkan masalah sosial yang lain.

Sorotan kajian pula telah diambil daripada kajian terdahulu iaitu Talhah et al., (2019) yang telah memperkenalkan ciri-ciri pendidikan dalam melahirkan sebuah keluarga yang sejahtera. Perkara yang menunjukkan pentingnya pendidikan dalam rumah tangga ini dikukuhkan lagi dengan kajian daripada Affizal (2016) bahawa pendidikan penting dalam pembentukan kualiti hidup sejahtera kerana ianya membantu dalam menstabilkan ekonomi, membantu dalam menguruskan keluarga, mendidik dan mengawal diri daripada tekanan dan gangguan serta membantu dalam psikologi sosial suami dan isteri dalam menjalani kehidupan bermasyarakat. Selain itu, artikel-artikel jurnal berkenaan dengan keluarga bahagia, pendidikan serta isu-isu semasa yang berlaku dalam masyarakat juga telah digunakan bagi melengkapkan kajian ini.

4. Dapatan Kajian

Dewasa ini, perkembangan pesat dunia tanpa sempadan telah menyebabkan keperluan dalam kehidupan setiap individu semakin bertambah. Manusia semakin berlumba-lumba untuk mencari pendapatan untuk meneruskan kehidupan yang penuh mencabar, mengejar perkembangan teknologi moden, berusaha mendapatkan jawatan dan pangkat sehingga terlupa dan mengabaikan tanggungjawab sebagai seseorang yang bergelar suami, isteri, anak mahupun ibu dan bapa. Lantaran itu, banyak peristiwa yang dilaporkan berkenaan masalah rumah tangga seperti pengabaian tanggungjawab (Azhar dan Kamarul, 2004), perceraian, penderaan fizikal dan emosi, pembunuhan dikalangan ahli keluarga disebabkan sifat cemburu dan tidak puas hati dengan pasangan.

Justeru, hasil daripada pembacaan dan membuat beberapa penelitian, kajian ini mendapat Pendidikan PraPerkahwinan ke atas setiap individu yang ingin berkahwin perlu disemak semula sebelum melangsungkan perkahwinan untuk mengelakkan perkara yang sama berkaitan permasalahan rumah tangga berlaku berulang kali. Oleh yang demikian, Pendidikan PraPerkahwinan yang perlu di pelajari oleh semua pasangan ialah (1) Pendidikan Islam yang merangkumi asas akidah, ibadah dan akhlak, (2) Pendidikan Akademik bagi membentuk pemikiran yang waras, positif dan matang dan (3) Pengetahuan Am bagi menjalani kehidupan sehari-hari dan memenuhi keperluan asas hidup berumah tangga. Dicadangkan Modul Kursus PraPerkahwinan Islam (MBKPI) yang ada pada hari ini dikemaskini dari tiga aspek utama. Pertama, mengemaskini kaedah pembelajaran seperti gabungan pembelajaran secara teori dan praktikal. Kedua, tempoh pembelajaran dilanjutkan daripada 12 jam kepada tempoh masa yang sesuai mengikut tajuk. Dan ketiga, kaedah pengambilan kehadiran

menggunakan kaedah imbasan Kod QR untuk setiap slot. Selain itu, kursus Pendidikan PraPerkahwinan juga disarankan melalui beberapa peringkat, contohnya peringkat permulaan seperti ceramah, peringkat pertengahan seperti amali dan peringkat akhir seperti mengadakan ujian. Sekiranya ketiga-tiga aspek pendidikan ini ditekankan dengan pelaksanaan kaedah yang betul sebelum mendirikan rumah tangga, kebarangkalian isu permasalahan rumah tangga dapat dikurangkan sekaligus dapat membentuk keluarga yang bahagia, sejahtera dan harmoni.

5. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, memiliki ilmu pengetahuan dan pendidikan penting dalam kehidupan setiap manusia. Dengan pendidikan, individu dapat membina keyakinan diri, menikmati hasil dari segi ekonomi dan perhubungan sosial, mengalami gangguan emosi dan tekanan fizikal yang rendah, dapat membentuk pemikiran yang matang dalam membuat keputusan dan lain-lain lagi yang akhirnya akan membawa kepada penyelesaian yang positif dan munasabah dalam kehidupan sehari-hari (Affizal, 2016). Justeru, kajian ini ingin menyarankan kepada pihak berkuasa seperti JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri untuk mewajibkan setiap pasangan yang ingin berkahwin perlu memenuhi ketiga-tiga kriteria Pendidikan PraPerkahwinan iaitu Pendidikan Islam, Pendidikan Akademik dan Pengetahuan Am sebagai benteng untuk mengukuhkan dan mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan rumah tangga. Kursus PraPerkahwinan yang sedia ada pada hari ini perlu dirombak dan dikemaskini berikut modul dan kaedah pelaksanaannya kurang berkesan seperti tempoh pembelajaran yang terhad setiap slot, disiplin penceramah serta masalah komitmen dari kalangan peserta. Pihak berwajib boleh mengadakan kursus secara berkala sebelum dan sepanjang perkahwinan atau menyediakan satu bukti kehadiran seperti sijil kehadiran digital. Dengan pelaksanaan proses Pendidikan PraPerkahwinan yang lebih teliti, diharap segala masalah yang berkaitan dengan isu rumah tangga dapat diatasi dengan baik tidak kira bagi yang beragama Islam maupun yang bukan Islam.

Rujukan

- Ahmad, A. (2008). Kepentingan pendidikan dalam pembentukan kualiti hidup sejahtera. *Malaysian Education Dean's Council Journal*, 2, 1-8.
- Al-Quran Al-Karim. (2017). Terjemahan Perkata dan Tajwid Berwarna Edisi ke-3. Selangor. *Karya Bestari*.
- Astro Awani. (2020, November 29). Marah Tak Dapat Rogol Anak Tiri, Lelaki Nigeria Campak

- Cucu HIngga Maut di Wangsa Maju. *Astro Awani*. Diakses Julai 7, 2021, daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/marah-tak-dapat-rogol-anak-tiri-lelaki-nigeria-campak-cucu-hingga-maut-di-wangsa-maju-270698>
- Aughinbaugh, A., Pierret, C. R., & Rothstein, D. S. (2015). The national longitudinal surveys of youth: Research highlights. *Monthly Lab. Rev.*, 138, 1 - 17.
- Azirun, S. Z., & Bani, N. (2016). Sains Rumah Tangga Tingkatan 4. *Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd Kuala Lumpur*.
- Azra A. (2021, Mei 4). "Seperti Kandang..." Biarkan 4 Isteri dan 28 Orang Anak Tinggal Sebumbung, Warganet Berang Sikap Ego Bapa Ini. *Hotfm*. Diakses Julai 7, 2021, daripada <https://www.hotfm.com.my/hotviral-seperti-kandang-biarkan-4-isteri-dan-28-anak-tinggal-sebumbung-warganet-berang-sikap-ego-bapa-ini/>
- Bakar, M. Z. A., & Wan Abdullah, W. A. R. K. (2008). Hak suami isteri dalam perkahwinan Islam: analisis menurut fiqh. *REKAYASA—Journal of Ethics, Legal and Governance*, 4, 35-52.
- Bernama. (2020, November 30). Jumlah Kahwin Menurun, Cerai Meningkat. *MyMetro*. Diakses Julai 7, 2021, daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/11/647836/jumlah-kahwin-menurun-cerai-meningkat>
- Fauzi, M. S. M., Akira, S. N., & Jasmi, K. A. (2019). Persediaan Asas Ke Gerbang Perkahwinan. *Seminar Institusi Islam 2019*, Kuala Lumpur, 1-114.
- Hayati, R. (2011). Modul Kursus Praperkahwinan Islam: Kajian Terhadap Keberkesanannya Di Jabatan Agama Islam Negeri Perak, Darul Ridzuan. *Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan*. Universiti Malaya.
- Ismail, M. H. (2020, Disember 29). Kes Perceraian di Malaysia Rekodkan Peningkatan Luar Biasa. *Sinar Harian*. Diakses Julai 7, 2021, daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/116749/BERITA/Nasional/Kes-perceraian-di-Malaysia-rekodkan-peningkatan-luar-biasa>.
- Jaafar, N. (2021, Jun 19). Pesara Tentera 9 Anak Tinggal di Bawah Jejambat Dibantu. *Sinar Harian*. Diakses Julai 7, 2021, daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/145167/E>
- DISI/Pesara-tentera-sembilan-anak-tinggal-bawah-jejambat-dibantu.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2013). Panduan Pengurusan Nikah di Malaysia. *Alamedia Sdn. Bhd Selangor*.
- Jejaka A. (2020, Jun 25). Perceraian Malaysia Mengikut Negeri - Ini Punca, Statistik dan Sebabnya. *Xgene Royale*. Diakses Julai 7, 2021, daripada <https://www.xgeneroyales.com/suamiisteri/penceraians/>
- Jima'ain, M. T. A., Zulkifly, M. N. I., Hussain, M. Z. M., Mohamad, A. E., & Rosli, M. A. (2019). Kaedah dan Ciri Pendidikan dalam Melahirkan Sebuah Keluarga yang Sejahtera. Keluarga Sejahtera Negeri Johor. *Seminar Kebangsaan Keluarga Sejahtera Negeri Johor*.
- Kadir, S. A. (2021, Februari 10). Lemas Dalam Tong: Pasangan Suami Isteri di Dakwa Bunuh, Dera "Adik Amir". *Astro Awani*. Diakses Julai 7, 2021, daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lemas-dalam-tong-pasangan-suami-isteri-didakwa-bunuh-dera-adik-amir-282234>.
- Kamsah, M. F., & Omar, N. (2007). Soal Jawab Pra Perkahwinan. *PTS Millennia Sdn. Bhd Kuala Lumpur*.
- Kamus Dewan. (4th ed.) (2010). *Dewan Bahasa dan Pustaka Sdn. Bhd Kuala Lumpur*.
- Khosim, N., Khair, N. S. H., Salaeh, A., & Ayob, A. L. (2017). Family Values and Its Importance From the Qur'anic Perspectives. *The 4th YRU National and International Conference in Islamic Education and Educational Development*, Yala Rajabhat University Thailand, 85-92
- Kuliyatun. (2020). Kajian Hadis: Iman, Islam dan Ihsan dalam Perspektif Pendidikan Agama Islam. *Jurnal Kependidikan dan Sosial Keagamaan*, 110-122.
- Mahidin, M. U. (2019, November 27). Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian Malaysia 2019. *Jabatan Perangkaan Malaysia*. Diakses Julai 7, 2021, daripada <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=ckFNQUg4OHpESG1WRzZSeXRYZEJlQT09>.
- Majid, M. A., & Hudin, M. S. Z. S. (2017). Trend dan Faktor Perceraian Rumah Tangga di Negeri Selangor dari Tahun 2011 Hingga 2015: Trend and Marriage Divorce Factor in Selangor from 2011 to

2015. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 2(2), 40-53.
- Malaysia, Kementerian Pendidikan. (2017). Dasar Pendidikan Kebangsaan. *Firdaus Press Sdn. Bhd Selangor*. Diakses Julai 7, 2021, daripada https://www.moe.gov.my/index.php/dasarmenu/f_alsafah-pendidikan -kebangsaan
- Malaysia, Kementerian Pendidikan. (2017). Dasar Pendidikan Kebangsaan. *Firdaus Press Sdn. Bhd Selangor*.
- Masroom, M. N., Muhamad, S., & Panatik, S. (2013). Iman, Islam dan Ihsan: Kaitannya dengan Kesihatan Jiwa. *Seminar Pendidikan & Penyelidikan Islam Kali Pertama*, 582-590.
- Media Baharu. (2020, Disember 1). Kadar Perceraian Meningkat 12%. *Berita RTM*. Diakses Julai 7, 2021, daripada <https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/23746-kadar-pencerayaan-meningkat-12>.
- Muhammad, A., & Jasmi, K. A. (2004). Pengabaian Tanggungjawab Suami Terhadap Hak Isteri di Kalangan Orang-Orang Melayu. *Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan*. Universiti Malaya. 1-8.
- Sarju, H. B., Hamzah, R. B., & Udin, A. B. (2011, November 15). Pendidikan: Matlamat dan Fungsinya. *Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository*.
- Shabuddin, N. S., Johari, N., Abdullah, N., & Aziz, S. (2016). Perceraian dalam Kalangan Pasangan Dewasa Pertengahan di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAIDHL): Eksplorasi Faktor. *Jurnal Sains Sosial: Malaysian Journal of Social Sciences*, 1(1), 36-52.
- Shafi'e, S. Z., Sulaiman, R., & Musa, S. N. I. (2019). Pengamalan Ibadah Khusus dan Umum Pelajar UiTM Johor Kampus Pasir Gudang. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 1-14.
- Siti Murdiah, S., Nizaita, O., & Rahimah, E. (2016). Kursus Praperkahwinan Islam: Satu Tinjauan Awal. *International Postgraduate Research Conference (IPRC 2016)*. UniSZA.
- Zakariya, K., & Hamid, A. (2012). Kaedah Pembangunan Akhlak Remaja Menurut Imam al-Ghazali: Aplikasinya dalam Program Tarbiah Sekolah-sekolah Menengah Aliran Agama Berasrama di Negeri Kedah, *ATIKAN*, 2(1).